

Mega PA Takaful

Essential

**Hadiahkan masa depan yang cerah
untuk yang tersayang.**



Pelan asas kemalangan diri untuk seisi keluarga.

Apabila sesuatu kemalangan berlaku kepada anda atau keluarga, Mega PA Takaful Essential menyediakan pelbagai pilihan manfaat yang akan dibayar sekiranya berlaku kejadian disebabkan oleh kemalangan.

Kelayakan

Anda dan ahli keluarga layak untuk memohon pelan ini sekiranya berumur sekurang-kurangnya 18 tahun bagi setiap dewasa dan 45 hari untuk setiap anak. Maksimum kelayakan umur bagi pelan ini adalah pada ulang tahun ke 65 bagi setiap dewasa, dan ke 17 tahun bagi setiap anak, sekiranya anak masih belajar sepenuh masa, maksimum kelayakan adalah pada ulang tahun ke 23.

Pelan dan Manfaat

Anda boleh memilih salah satu daripada empat jenis pelan. Manfaat akan dibayar sekiranya berlaku sesuatu kejadian seperti berikut:

Kejadian	Maksimum Manfaat akan dibayar atau Had Pembayaran Balik dalam Ringgit Malaysia (RM)			
	Pelan Perak	Pelan Emas	Pelan Platinum	Pelan Berlian
Kematian akibat kemalangan				
a) Setiap dewasa	100,000	300,000	500,000	1,000,000
b) Setiap anak	25,000	50,000	50,000	50,000
Hilang upaya kekal akibat kemalangan				
a) Setiap dewasa	100,000	300,000	500,000	1,000,000
b) Setiap anak	25,000	50,000	50,000	50,000
Kematian atau hilang upaya kekal akibat kemalangan semasa menaiki pengangkutan awam				
a) Setiap dewasa	100,000	300,000	500,000	1,000,000
b) Setiap anak	25,000	50,000	50,000	50,000
Pembayaran sekaligus sekiranya berlaku kematian atau hilang upaya kekal bagi orang dewasa, akibat kemalangan	Tidak dilindungi	Tidak dilindungi	10,000 setiap anak	20,000 setiap anak
Pembayaran balik jumlah bayaran tertunggak untuk hutang tertentu, disebabkan oleh kematian atau hilang upaya kekal, akibat kemalangan	5,000	7,000	8,000	10,000
Pendapatan tambahan untuk hilang upaya menyeluruh dan kekal, akibat kemalangan	Tidak dilindungi	Tidak dilindungi	100,000	200,000
Hilang upaya menyeluruh sementara (sehingga 24 minggu), untuk hilang upaya akibat kemalangan	Tidak dilindungi	Tidak dilindungi	Tidak dilindungi	1,000 setiap minggu

Kejadian	Maksimum Manfaat akan dibayar atau Had Pembayaran Balik dalam Ringgit Malaysia (RM)			
	Pelan Perak	Pelan Emas	Pelan Platinum	Pelan Bertian
Hilang upaya separa sementara (sehingga 24 minggu), untuk hilang upaya akibat kemalangan	Tidak dilindungi	Tidak dilindungi	Tidak dilindungi	500 setiap minggu
Pembayaran sekaligus sekiranya berlaku kematian, akibat kemalangan	2,000	3,000	4,000	5,000

Jadual Sumbangan Tahunan

Sumbangan Tahunan (RM)				
Setiap Individu	Pelan Perak	Pelan Emas	Pelan Platinum	Pelan Bertian
Setiap Dewasa	RM155.29	RM456.86	RM772.74	RM1,547.60
Setiap Anak	RM29.15	RM57.24	RM57.77	RM58.30

Nota:

- Sumbangan di atas adalah termasuk 6% Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST).
- Sila tambah RM10.00 untuk duti setem.

Pengecualian Utama

Bagi memastikan manfaat adalah berpatutan, jumlah manfaat atau had pembayaran balik **tidak akan dibayar** berdasarkan terma-terma dan syarat-syarat berikut:

1. Sekiranya berlaku kemalangan disebabkan oleh tindakan yang disengajakan oleh mana-mana individu yang dilindungi atau mendapat manfaat dari pelan ini.
2. Sekiranya berlaku kemalangan disebabkan oleh mana-mana sukan, hobi, pekerjaan atau aktiviti yang berbahaya.
3. Bagi kemalangan yang disebabkan oleh aktiviti yang berbahaya, melainkan anda memaklumkan kepada kami secara bertulis semasa memohon pelan ini dan kami tidak menolak mana-mana aktiviti yang berbahaya.

Untuk Perhatian Anda

Berikut merupakan perkara yang perlu anda beri perhatian tentang isi kandungan di dalam risalah ini. Kami amat menghargai sekiranya anda meneliti perkara-perkara berikut:

1. Risalah ini tidak boleh diambil kira sebagai kontrak atau komitmen. Maklumat yang terkandung di dalam risalah ini boleh ditukar tanpa sebarang notis terlebih dahulu.
2. Risalah ini mengandungi keterangan ringkas bagi terma-terma dan syarat-syarat di dalam pelan ini. Sekiranya anda ingin maklumat lanjut mengenai pelan, atau ingin menyertai pelan ini, sila dapatkan dan menyemak Helaian Pendedahan Produk. Helaian Pendedahan Produk boleh didapati daripada Ejen Takaful kami atau anda boleh menghubungi Etiqa Online di talian **1300 13 8888**.
3. Sekiranya sumbangan di bawah pelan ini dibayar sebelum tamat tempoh, semua manfaat adalah tertakluk kepada tahun sumbangan itu dibayar. Pada akhir tahun, dan pada setiap ulang tahun yang berikutnya, manfaat mungkin dilanjutkan untuk satu tahun lagi, sekiranya anda memenuhi kriteria kelayakan.
4. Sebelum anda menyertai pelan ini, sila pastikan bahawa pelan ini merupakan pelan yang tepat dalam memenuhi keperluan dan sumbangan yang dibayar adalah mengikut kemampuan anda.
5. Anda boleh membatalkan pelan ini pada bila-bila masa dalam tempoh pelan dengan memberi notis kepada kami secara bertulis. Sekiranya pembatalan pelan dibuat, anda layak menerima sebahagian daripada sumbangan yang dibayar, sekiranya anda tidak membuat sebarang tuntutan pada tahun tersebut.
6. Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut mengenai perlindungan kemalangan peribadi, sila rujuk kepada risalah *insuranceinfo* yang boleh didapati dari cawangan kami. Selain itu, anda boleh mendapatkan salinan daripada Ejen Takaful kami atau layari laman web **www.insuranceinfo.com.my**.

Etika Online 1300 13 8888
www.etika.com.my



 www.facebook.com/etika

Etika Takaful Berhad (266243-D)

(Dilesenkan dibawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013
dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)

Level 19, Tower C, Dataran Maybank,
No 1, Jalan Maarof, 59000 Kuala Lumpur, Malaysia
T +603 2297 3888 F +603 2297 3800

Diunderait oleh:

eTiQa
Takaful